

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN  
KASSIM [ARAU]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:

(a) Apakah tindakan serta langkah yang telah dilakukan oleh pihak kementerian dalam memastikan penyelenggaraannya kemudahan sukan di Perlis dapat diberi perhatian serta bercadang untuk menyerahkan penyelenggaraan kemudahan sukan ini untuk diuruskan kepada persatuan-persatuan sukan negeri; dan

(b) adakah pihak kerajaan sedar bahawa negeri Perlis pernah mengeluarkan atlet yang ternama di peringkat negara iaitu dua orang atlet para yang mendapat emas di sukan Olimpik adalah datangnya dari negeri Perlis. Apakah jasa mereka ini membolehkan pihak kementerian untuk menambah serta memberi kemudahan sukan terutamanya kepada atlet para ini serta apakah pihak kerajaan bercadang untuk membantu atlet para ini dari segi latihan dimana sekarang ini banyak bergantung kepada ihsan orang ramai.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan telah dan akan menyelenggara serta menaik taraf kemudahan-kemudahan di negeri Perlis secara berperingkat untuk memastikan ia dapat digunakan dengan selesa oleh semua lapisan masyarakat.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Perlis atas jasa dan usaha yang telah diambil untuk melahirkan dua (2) jaguh Negara iaitu Abdul Latif Romly dan Mohamad Ridzuan Mohd Puzi dari sukan Olahraga Paralimpik. Kejayaan ini adalah hasil usahasama pelbagai pihak seperti Jabatan Belia Dan Sukan Negeri (JBSN), Bahagian Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Persatuan Sukan Orang Kurang Upaya (PESRON) turut membantu dalam mengenal pasti atlet berpotensi untuk dilatih diperingkat kebangsaan dan seterusnya ke peringkat antarabangsa. Atlet-atlet ini mengguna pakai kemudahan-kemudahan yang sedia ada di bawah penyeliaan Majlis Sukan Negeri dan JBSN.
3. Dari segi pelaksanaan program pula, Kementerian melalui MSN telah melantik Jurulatih Separuh Masa iaitu Encik Affizam Amdan untuk program Pelapis Atlet Para Negeri Perlis bagi sukan olahraga. Selain itu, bagi latihan asas seperti *mini hurdle*, peluru, lembing dan cakera turut diberikan untuk digunakan ketika sesi latihan.
4. MSN turut membantu atlet pelapis negeri dalam penyertaan ke sirkit kebangsaan yang dilaksanakan empat (4) kali setahun dengan memberikan perbelanjaan sajian, penginapan dan tambang perjalanan.
5. Manakala di peringkat antarabangsa pula, bantuan kewangan juga diberikan bagi pendaftaran penyertaan *lesen International Paralympic Committee* (IPC) (15 Euro/atlet) dan untuk empat (4) orang atlet para

## SOALAN NO : 20

negeri yang telah menyertai *7<sup>th</sup> China Open Athletics Championships* yang berlangsung pada 6 hingga 13 Mei 2019.

6. Di samping itu, atlet kelahiran Perlis, Mohamad Erwan Mohd Hasnor (T37) juga diberikan elaun separuh masa berjumlah RM500 sebulan berdasarkan pencapaian cemerlangnya di Temasya Para Asean di Kuala Lumpur 2017.

7. Selain sukan olahraga para, sukan *powerlifting* juga diberikan bantuan kewangan oleh MSN dengan pemberian elaun sebanyak RM350 sebulan kepada seorang penggerak sukan dan penyertaan ke sikit kejohanan. Malah, bantuan peralatan asas latihan turut disediakan di Gym latihan Majlis Sukan Negeri Perlis.

8. Atlet-atlet Pelapis Para yang mempamerkan prestasi cemerlang diberikan peluang untuk mewakili negara ke Temasya Para Asean yang dianjurkan setiap 2 tahun sekali. Pemenang pingat emas pertama juga di temasya ini akan diberikan insentif berjumlah RM20,000.

9. Pihak kementerian juga sememangnya berhasrat untuk menyerahkan penyelenggaraan kemudahan sukan yang telah dibina kepada persatuan-persatuan sukan negeri namun begitu ia tertakluk kepada kemampuan kewangan dan teknikal yang dimiliki oleh persatuan tersebut.

Sekian, terima kasih.